



# KATEDRAL ST. JOSEPH

## Notis Gereja

HARI MINGGU ADVEN KE-4  
~ 22 Disember 2024 ~

Tel.: 082-423424

Laman Web: [stjosephkuching.org](http://stjosephkuching.org)

E-mel: [sjcoffice@yahoo.com.my](mailto:sjcoffice@yahoo.com.my)

**KUTIPAN KEDUA** minggu ini disalurkan kepada Tabung Penyelenggaraan Katedral.

**KALENDAR KATOLIK 2025** (berharga RM1.50 setiap satu) tersedia dalam 3 bahasa (*Inggeris, Malaysia & Mandarin*) di Rosary Mart dan Pejabat Paroki SJC.

**RAYUAN UNTUK BUNGA SEGAR** - Para umat dijemput untuk menyumbang bunga segar (**Orkid Putih, Carnation Merah, Anthurium Merah, Statice Kuning atau Putih**) untuk hiasan Krismas di ruang suci Katedral. Sila hantar bunga anda ke Sakristi pada Isnin, **23 Disember sebelum 10 am**.

**MISA KUDUS UNTUK MALAM MENJELANG KRISMAS** (Selasa, 24 Disember) seperti berikut:

| Tempat              | Masa               | Bahasa   | Nota                                 |
|---------------------|--------------------|----------|--------------------------------------|
| Katedral St. Joseph | 6:00 pm            | Malaysia | Misa harian 5:30 pm akan dibatalkan. |
|                     | 8:00 pm            | Mandarin |                                      |
|                     | 12:00 tengah malam | Inggeris |                                      |
| Chapel Carmelite    | 12:00 tengah malam | Inggeris |                                      |

**MISA KUDUS UNTUK HARI KRISMAS** (Rabu, 25 Disember) seperti berikut:

| Tempat              | Masa      | Bahasa   | Nota                   |
|---------------------|-----------|----------|------------------------|
| Katedral St. Joseph | 7:00 am*  | Inggeris | *Misa Siaran Langsung. |
|                     | 9:00 am*  | Mandarin |                        |
|                     | 11:00 am* | Malaysia |                        |
|                     | 5:00 pm   | Inggeris |                        |
| Chapel Carmelite    | 8:00 am   | Inggeris |                        |

**TEMPAT LETAK KENDERAAN** - Pintu utama Katedral akan ditutup pada Malam Krismas untuk Misa Tengah Malam. **Hanya kenderaan terhad yang membawa orang kurang upaya atau penumpang warga emas akan dibenarkan meletak kenderaan di hadapan Katedral atas dasar siapa cepat dia dapat.** Kenderaan yang membawa orang kurang upaya juga boleh meletak kenderaan berhampiran 'Day Chapel'.

Umat digalakkan meletak kenderaan lebih jauh sama ada di tempat letak kenderaan sekolah St. Joseph atau St. Teresa, kawasan Katekumenat Lama atau tempat lain. Sila ikut arahan kakitangan Keselamatan dan RELA kami. Sila letak kenderaan anda dengan betul supaya tidak menghalang aliran trafik kerana **TIADA PENGUMUMAN** nombor plat kereta akan dibuat semasa perkhidmatan. Untuk mengurangkan masalah parkir kereta, umat digalakkan untuk '**CAR-POOL**'.

**SAMBUTAN KRISMAS** - Pejabat Paroki, Pejabat Kaunseling SJC, Perpustakaan dan Galeri Sejarah akan **ditutup** pada Isnin, **25 Disember**. Untuk panggilan sakit semasa cuti umum, hari-hari perayaan agama dan selepas waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633. Pada waktu pejabat biasa, sila hubungi Pejabat Paroki di talian 082-423424.

**MISA PADA HARI MENJELANG TAHUN BARU DAN HARI TAHUN BARU** (*Hari Raya Santa Maria Bonda Allah* dan *Hari Perdamaian Sedunia*) akan dirayakan di Katedral oleh Uskup Agung Simon Poh pada Selasa, **31 Disember, 11:30 pm** dan pada Rabu, **1 Januari 2025, 9:00 am**. Misa harian **5:00 pm pada 1 Januari 2025** akan dibatalkan.

Semua umat digalakkan hadir dengan kesyukuran atas berkat yang diterima untuk menyambut kedatangan Tahun Baru 2025 sambil kita berdoa untuk rahmat Tuhan dan pedoman-Nya yang berterusan.



## 圣若瑟总主教座堂 新春舞蹈呈现



集舞蹈员：  
\*13岁及以上的青年们  
\*家长们

\*地点：St. James Room  
\*时间：29/12起每周五晚上7点30分至9点整  
及每周日弥撒后10点30分至12点整

欲知更多详情可联络：Richard Ngui 魏茂强  
016-887 6030

### **PENARI SUKARELAWAN UNTUK MISA KESYUKURAN TAHUN BARU CINA 2025**

Kumpulan 'Flame Youth' menjemput para belia (berumur 13 tahun ke atas) bersama ibu bapa mereka (*digalakkan menyertai sebagai pasangan*) untuk mengambil bahagian dalam persembahan tarian khas semasa Misa Kesyukuran Tahun Baru Cina pada Januari 2025. Latihan tarian pertama akan diadakan pada hari Ahad, **29 Disember** di bilik St. James dan latihan berikutnya akan dijalankan seperti berikut:

- Setiap Ahad: 10:30 am hingga 12:00 tengah hari
- Setiap Jumaat: 7:30 pm hingga 9:00 pm

Ini adalah peluang yang indah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan sambil menyumbang kepada acara yang bermakna ini. Tiada pengalaman tarian diperlukan - hanya bawa semangat dan keceriaan anda! Tarikh tutup pendaftaran adalah Jumaat, **27 Disember**. Mereka yang berminat boleh menghubungi Richard Ngui @ 016-8876030 untuk maklumat lanjut.

**KOTAK 'LOVE OFFERING** yang diedarkan oleh Persatuan Kepausan Kanak-kanak Suci tersedia di pintu masuk untuk membolehkan kanak-kanak di paroki kita untuk membantu kanak-kanak lain yang memerlukan. Ibu bapa digesa untuk memupuk semangat memberi dan menggalakkan anak-anak anda untuk mengambil bahagian dalam Misi Gereja ini. Sila kembalikan kotak-kotak ini ke Pejabat Paroki selewat-lewatnya pada hari Khamis, **2 Januari 2025**.

## **KURSUS PERSIAPAN PERKAHWINAN ATAS TALIAN** (bagi umat Paroki Keuskupan Agung Kuching sahaja)

akan diadakan pada 4, 5 & 17 Januari dalam Mandarin. Pasangan yang merancang berkahwin dinasihatkan menghadiri kursus ini sekurang-kurangnya enam bulan (sebaik-baiknya lebih dari 6 bulan) sebelum tarikh perkahwinan gereja mereka. **Kecekapan dalam Mandarin adalah syarat wajib untuk daftar kursus atas talian ini** yang diadakan melalui Zoom. Yuran pendaftaran adalah **RM80 setiap pasangan** (termasuk satu set buku kursus). **Pendaftaran dibuka dari 16 hingga 30 Disember** ATAU apabila kapasiti maksimum untuk setiap sesi tercapai (mana yang terlebih dahulu). Sila daftar awal melalui pautan ini:

<https://sites.google.com/view/sjc-marriage-prep-course/home>

## **KURSUS PERSIAPAN PERKAHWINAN** (bagi umat Paroki Keuskupan Agung Kuching sahaja)

akan diadakan secara fizikal di A.C.C.P.C. pada tarikh berikut:

- 11, 12; 18, 19 & 26 Januari dalam Inggeris
- 25, 26 Januari & 9 Februari dalam Bahasa Malaysia

Pasangan yang merancang berkahwin dinasihatkan menghadiri kursus ini sekurang-kurangnya enam bulan (sebaik-baiknya lebih dari 6 bulan) sebelum tarikh perkahwinan gereja mereka. Yuran pendaftaran adalah **RM200 setiap pasangan** (termasuk makan tengahari / rehat minum dan buku). **Pendaftaran dibuka dari 16 hingga 30 Disember** ATAU apabila kapasiti maksimum untuk setiap sesi tercapai (mana yang terlebih dahulu). Sila daftar awal melalui pautan ini:

<https://sites.google.com/view/sjc-marriage-prep-course/home>



WHO DO YOU SAY  
KUCHING ARCHDIOCESE IN YOUTH

I AM?  
APOSTOLATE

- 3 WEEKS of journeying together in FAITH, FUN, FRIENDSHIP and FORMATION
- a YOUTH CAMP for young Catholics to get "RICH" IN GOD
- from 16 FEBRUARY to 10 MARCH 2025 in ST LUKAS CENTRE, KOTA PADAWAN

## Kuching Archdiocesan Youth Apostolate 31

### ALL PARTICIPANTS MUST BE.....

- Catholic / Catechumen
- 17 years old or above
- with consent from parent/ guardian
- with endorsement by parish priest
- willing to fall in love with Jesus again and again
- & ready to share and learn, pray and have fun, serve and care



### FREE REGISTRATION

Just fill out REGISTRATION FORM available at your Parish Office. Submit the completed form ON/BEFORE 31st JAN 2025

DAFTAR dengan mengisi borang pendaftaran yang boleh DIDAPATI DI PEJABAT PAROKI masing-masing.

Hantar borang yang lengkap PADA/SEBELUM

31 JAN 2025

请到您的堂区办事处领取 报名表格 并填写。  
于 2025年1月31日或之前 提交填写好的表格。

Interested to serve as  
**KAYA SERVANT?**



SCAN ME!

+60 11-7257 3262



kchyouth.com



kchadyouth.office@gmail.com



kuchingcatholicyouth.com

**KAYA 31** - Golongan muda yang berumur antara 17 hingga 25 tahun (*terutama lepasan sekolah*) dijemput menyertai KAYA 31, satu kem remaja anjuran Pejabat Belia Keuskupan Agung Kuching untuk mempromosikan **PERKEMBANGAN DALAM KRISTUS sebagai Katolik muda yang diperkasakan**.

Ini akan dianjurkan dari 16 Februari hingga 10 Mac di Pusat St. Lukas, Kota Padawan. Pendaftaran adalah PERCUMA. Tarikh tutup pendaftaran adalah 31 Januari 2025. Sila dapatkan borang pendaftaran dari Pejabat Paroki SJC atau berjumpa dengan mana-mana paderi atau ketua PYM kita.

**KELUARGA TUAN RUMAH BAGI PROGRAM IMERSI PAROKI (PIP) KAYA 31** - Penganjur KAYA 31 memohon umat paroki untuk daftar sebagai Keluarga Tuan Rumah bagi kira-kira 10-12 peserta belia luar kawasan ketika hujung minggu PIP. Kira-kira 10 keluarga tuan rumah diperlukan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Maria Amelia (*Penasihat Belia*) di talian 011-72573262. Tarikh tutup mendaftar ialah **1 Februari 2025**.

**PROGRAM PRA-UNIVERSITI** - Sekolah Antarabangsa St. Joseph (SJIS) menawarkan dua program pra-universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, iaitu **Cambridge A-Level** dan **Western Australian Matriculation**. Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan baharu (mulai 17 Februari 2025). Mereka yang berminat boleh hubungi SJIS di talian 082-411575 / 082-550575 untuk maklumat lanjut.



# We are hiring!

Teaching positions for academic year 2025 available at Private Secondary, Primary & International School now.

Are you interested?



SCAN  
ME



FOR MORE INFORMATION

082 414575 | 420575  
 stjosephkuching.edu.my

**KEKOSONGAN JAWATAN GURU UNTUK TAHUN AKADEMIK 2025** - Kekosongan jawatan kini dibuka untuk guru yang berkelayakan dan komited bagi menyertai Sekolah Menengah, Rendah, dan Antarabangsa Swasta St. Joseph. **Guru yang telah bersara daripada sekolah kerajaan amat digalakkan untuk memohon.** Pemohon yang berminat boleh mengimbas kod QR untuk maklumat lanjut.



# KUCHING CATHOLIC CEMETERIES AND COLUMBARIA SERVICES

## It all starts with charity.

Seeking your generous and kind contribution to maintain and improve the facilities within the compound of all our cemeteries.

The Custodian  
Rev. Fr Vincent Chin



### TO DONATE

#### ONLINE TRANSFER

The Archbishop of Kuching  
Maybank Account

No.: 5112 5200 0808

- Remark "For KCCCS"
- WhatsApp to 016-8899237  
proof of transfer if you need receipt.

OR

Drop KCCCS envelopes into the collection bags during weekend masses at any parish in the Archdiocese.



## APPEAL FOR DONATION

**RAYUAN UNTUK DERMA KE PERKHIDMATAN KUBUR DAN KOLUMBARIUM KATOLIK KUCHING (KCCCS)** - Penjaga KCCCS merayu untuk derma yang murah hati daripada anda bagi penyelenggaraan dan pemeliharaan kubur Katolik kita serta peningkatan kemudahan yang ada. Sila sokong!

**PELEKAT KOD QR S PAY GLOBAL / SARAWAK PAY** pada bangku Gereja disediakan untuk kemudahan para umat dan juga untuk memudahkan kutipan derma semasa Misa hujung minggu. Malangnya, pelekat ini sering perlu diganti kerana didapati terkoyak atau rosak. Kami memohon agar ibu bapa memastikan anak-anak kecil tidak main, koyak atau lukis di atas pelekat ini.



**KHIDMAT PENGEBUMIAN KATOLIK** - 'Catholic Mutual Benefit Society' (CMBS) Keuskupan Agung Kuching menyediakan bantuan kepada keluarga yang berduka pada masa kematian. Perkhidmatan mereka termasuk memberi nasihat mengenai ritual Kristian, plot tanah perkuburan, kolumbarium, keranda, pengangkutan, pengurusan bagi Misa pengebumian, doa untuk orang yang telah meninggal, dll..

Untuk maklumat lanjut mengenai keahlian atau semasa memerlukan/berkabung, **umat Katolik dinasihatkan untuk menghubungi yang berikut untuk mendapatkan bantuan** bagi mengelakkan kerumitan dan kekeliruan berkaitan upacara dan perkhidmatan pengebumian Katolik:

Pejabat CMBS: Beatrice Mary Goh (Tel: 082-244493)

'On-call': Christopher Chin (Hp: 019-8563438)

### **PENDAFTARAN DALAM TALIAN UNTUK PERMOHONAN MISA (MO) & MISA ARWAH GABUNGAN (CRM)** - Umat paroki kini boleh menawarkan Misa atas talian melalui pautan berikut:

| Jenis Misa                | Pautan  |
|---------------------------|---|
| Permohonan Misa (MO)      | <a href="https://forms.gle/APkbscLMAG2Bcd7F9">https://forms.gle/APkbscLMAG2Bcd7F9</a> |
| Misa Arwah Gabungan (CRM) | <a href="https://forms.gle/yNixf4JrhMN61Z9h9">https://forms.gle/yNixf4JrhMN61Z9h9</a> |

Untuk menawarkan Misa, umat paroki boleh melayari laman web Paroki kita: <https://stjosephkuching.org>. Sekiranya anda menghadapi sebarang kesukaran untuk daftar menggunakan pautan di atas, sila emel pertanyaan anda ke [sjcoffice@yahoo.com.my](mailto:sjcoffice@yahoo.com.my) dan staf pentadbiran kami akan membantu secepat mungkin.

**Permohonan Misa (MO)** akan dirayakan oleh paderi di paroki secara peribadi setiap hari kecuali Ahad. *Apa-apa permintaan untuk misa bagi doa permohonan anda pada tarikh yang 'tertentu' hendaklah dihantar kepada Pejabat Paroki **sekurang-kurangnya satu minggu lebih awal**. Jika tidak, doa permohonan anda akan dirayakan pada bila-bila masa (mengikut budi bicara paderi kami).*

Permohonan untuk **Misa Arwah Gabungan (CRM)** Januari 2025 akan dirayakan pada Jumaat, **24 Januari**. Sila hantarkan borang CRM anda berserta bukti pembayaran selewat-lewatnya pada Khamis, **23 Januari sebelum 12:00 tengah hari**.

*Nota: Pembayaran (wang) yang diberikan oleh umat Kristian untuk Misa yang akan ditawarkan bagi tujuan yang khusus bukannya yuran tetapi sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah dan sumbangan kita kepada Gereja. Resit rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Paroki sewajarnya.*



THE ARCHDIOCESE OF KUCHING  
INVITES YOU TO SUPPORT THE



# BUNAN RESILIENCE PROJECT



Join the Bunan Resilience Project and savour the flavours of nature's bounty! Together, let us help our local farmers build economic resilience against external threats and the challenges of climate change.

Embrace fresh, homegrown delights while uplifting an entire community!

参与布南韧性项目，品尝大自然的恩赐。让我们一起支持我们的农民，建设经济复原能力来抵抗外部威胁和正常的气候。享受本土新鲜种植蔬果，提升社区经济效益。

Sertai Projek Daya Tahan Bunan dan nikmati kebaikan hasil alam semula jadi! Marilah bersama membantu para pekebun tempatan membina keteguhan ekonomi terhadap ancaman luar dan cabaran perubahan iklim.

Nikmatilah hasil tanaman tempatan yang segar sambil membangunkan seluruh komuniti!

Why wait?  
**ORDER NOW!**



**www.kuchingcjc.com**

**PROJEK DAYA TAHAN BUNAN** merupakan projek perintis Keuskupan Agung Kuching untuk menyokong petani Bunan dengan memasarkan hasil mereka di Kuching. Dengan berbuat demikian, kami membantu mereka untuk kekal berdaya tahan dari segi ekonomi dalam menghadapi ketidaktentuan yang semakin meningkat. Lawati <https://kuchingcjc.com/> dan pesan produk segar tempatan untuk keluarga anda sambil menyokong seluruh komuniti!

Pesanhan yang diterima sebelum tengah hari Khamis setiap minggu boleh dikutip pada pagi Sabtu sama ada di Tempat letak kereta A.C.C.P.C. (tapak Katedral St. Joseph) ATAU Gereja Holy Trinity, Kenyalang. Bayaran adalah secara tunai semasa pengambilan. Pada masa hadapan, kami harap dapat mewujudkan lebih banyak pusat pengambilan di paroki-paroki lain. **Ayuh sokong Projek Daya Tahan Bunan HARI INI!**

# Kuching Catholic Cemeteries & Columbaria Services Archdiocese of Kuching



**“ Please return your donation-envelopes into the collection bags of your respective parishes.  
Thanking you in advance for your continuous support! ”**



**or**

**Use online banking  
for Donation to:**

**THE ARCHBISHOP OF KUCHING  
MAYBANK ACCOUNT  
MBB 5112 5200 0808  
For KCCCS**



**Kuching Catholic Cemeteries & Columbaria Services  
The Custodian  
Archdiocese of Kuching**

**PUSAT KAUNSELING SJC** menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan emosi untuk individu, pasangan, keluarga dan kumpulan sokongan untuk pelbagai isu.

|                |   |   |
|----------------|---|---|
| Isnin - Jumaat | 8:00 am - 12:00 tgh hri,<br>2:00 pm - 5:00 pm | Sila telefon, WhatsApp atau e-mel kepada:<br>Pejabat Kaunseling Tel: 082-258046<br>E-mel: <a href="mailto:sjckch.counsellor@gmail.com">sjckch.counsellor@gmail.com</a><br>Kimberly Hp: 018-3539799<br>Nelly Hp: 018-2529899 |
| Sabtu          | 8:00 am - 12:00 tgh hri                       |   |

Nota:

- Pusat kaunseling ditutup pada Hari Ahad, Cuti Umum & Hari Kewajipan Suci Gereja.
- Klien kaunseling diingatkan untuk memberi 'Love-offering' untuk kutipan Gereja.

### **WAKTU OPERASI**

| Pejabat Gereja | Pejabat Paroki SJC  | Pejabat Kateketikal SJC  | Perpustakaan & Galeri Sejarah Keuskupan Agung           |
|----------------|---|--|---|
| Isnin - Jumaat | 8:00 am - 12:00 tgh hri,<br>2:00 pm - 5:00 pm   | 8:00 am - 12:00 tgh hri,<br>2:00 pm - 5:00 pm  | 8:00 am - 12:00 tgh hri,<br>2:00 pm - 5:00 pm           |
| Sabtu          | 8:00 am - 12:00 tgh hri,<br>2:00 pm - 4:30 pm   | 8:00 am - 12:00 tgh hri  | 8:30 am - 12:00 tgh hri                                 |
| No. Telefon    | 082-423424 / 423425<br>(Kakitangan Pejabat Paroki: Annie / Joanna)<br><br>WhatsApp: 082-423424<br>ATAU layari <a href="https://wa.me/6082423424">https://wa.me/6082423424</a><br><br>Emel: <a href="mailto:sjcoffice@yahoo.com.my">sjcoffice@yahoo.com.my</a> | 082-412650<br>(Kakitangan Pejabat Kateketikal:<br>Sarah / Ronita / Angeline)<br><br>WhatsApp: 082-412650<br><br>Emel: <a href="mailto:sjckch.faithformation@gmail.com">sjckch.faithformation@gmail.com</a> | 082-420802<br>(Kakitangan Perpustakaan:<br>Olivia Inoi) |

Nota:

- Semua pejabat di atas ditutup pada Hari Ahad, Cuti Umum & Hari Kewajipan Suci Gereja.
- Untuk panggilan sakit selepas waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633.

**PUSAT 'HOLY CROSS'** (bertempat di No. 681, Lorong 1, Jalan Bayor Bukit, Tabuan Jaya, 93350 Kuching. Tel.: 082 363945) dibuka **setiap Isnin, Selasa dan Rabu dari 9:30 am hingga 12:30 pm**. Pemakaian pelitup muka adalah wajib. 'Pray over' dan konsultasi akan diadakan di kawasan anjung. (Pusat ditutup pada hari kelepasan am, hari perayaan Gereja utama atau bila dimaklumkan.) 'Fellowship' mingguan Ministri 'Holy Cross' diadakan setiap Selasa dari 7:30 pm hingga 9:00 pm di Dewan Persidangan Sts. John & Lucy, Aras 2, A.C.C.P.C. (kecuali hari kelepasan am).

## JADUAL MISA HARIAN & SAAT TEDUH (HOLY HOUR)

| Tempat                            | Misa harian                        | Saat Teduh (Holy Hour)    |
|-----------------------------------|------------------------------------|---------------------------|
| Chapel Carmelite                  | Isnin - Sabtu, 7:00 am (Inggeris)  | Jumaat, 7:30pm (Inggeris) |
| 'Day Chapel', Katedral St. Joseph | Isnin - Jumaat, 5:30 pm (Inggeris) | -                         |

## JADUAL MISA HUJUNG MINGGU

| Tempat              | Hari  | Masa      | Bahasa   | Catatan   |
|---------------------|-------|-----------|----------|---|
| Katedral St. Joseph | Sabtu | 6:00 pm   | Inggeris | <ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat letak kereta di hadapan Katedral <b>DIKHASKAN</b> untuk kereta yang membawa penumpang warga tua, khususnya mereka yang memerlukan bantuan khas dan mempunyai kesukaran untuk berjalan.</li> <li>Selepas Misa tamat, pagar belakang menghala ke 'Sarawak Club' akan dibuka untuk kereta keluar dari perkarangan Katedral.</li> </ul> |
|                     |       | 7:00 am*  | Inggeris |   |
|                     | Ahad  | 9:00 am*  | Mandarin |   |
|                     |       | 11:00 am* | Malaysia |   |
|                     |       | 5:00 pm   | Inggeris |   |
| Chapel Carmelite    | Ahad  | 8:00 am   | Inggeris |   |

\*Misa siaran langsung.

Sila layari <https://www.facebook.com/arch.kuching>

## PERINGATAN AM

Umat paroki diingatkan untuk menunjukkan rasa hormat kepada Tuhan dan memberi pertimbangan terhadap orang lain seperti berikut. Kami memohon kerjasama dan pemahaman anda supaya kita semua dapat beribadat dengan selesa sebagai sebuah Gereja:

- Sila **datang awal** dan berada di tempat duduk sekurang-kurangnya 10 minit sebelum Misa bermula untuk mengelakkan sebarang gangguan.
- Kesucian perayaan Ekaristi menggesa semua umat untuk **berpakaian sopan** apabila memasuki Gereja untuk Misa Kudus dan menunjukkan keikhlasan tentang apa yang kita buat sebagai sebuah komuniti yang beribadah.
- Pemakaian pelitup muka** di Gereja tidak lagi diwajibkan tetapi **sangat digalakkan**, terutamanya dalam persekitaran yang sesak dan tertutup.
- Mereka yang sakit** dengan simptom-simptom seperti selesema (cth. demam, batuk, hidung berair, dsb.) hendaklah berhemah dan **tidak menyertai aktiviti di Gereja**.

## PROPER ATTIRE



T-SHIRT OR  
LONG SLEEVES



BLOUSE WITH SLEEVES



POLO SHIRT  
OR COLLARED SHIRT



KNEE-LENGTH DRESS  
WITH SLEEVES



JEANS OR SLACKS



KNEE-LENGTH SKIRTS



SHOES

## IMPROPER ATTIRE



SLEEVELESS AND  
PLUNGING NECKLINES



TUBES AND  
RACERBACKS



SINGLETS



SHORT SKIRTS



SHORTS



CAP



SLIPPERS

## **KUTIPAN MINGGUAN MISI DAN DERMA**

Umat paroki digalakkan menyumbang setiap minggu untuk membantu membiayai kos operasi dan penyelenggaraan Katedral.

Sila berikan sumbangan anda melalui **S Pay Global** dengan mengimbas kod QR ini. Sahkan bahawa penerima ialah '**St. Joseph's Cathedral**' sebelum pemindahan dilakukan.

Umat paroki juga boleh masukkan sumbangan mingguan mereka ke dalam Kotak Kutipan kayu besar yang diletakkan di pintu masuk Katedral ATAU lakukan **pindahan dalam talian atau deposit tunai** kepada Akaun Bank Katedral St. Joseph seperti berikut:

**Archbishop of Kuching Saint Josephs Cathedral**  
Nombor Akaun Maybank Bhd: 511038613081



St. Joseph's Cathedral



**PENGAKUAN DOSA** - Paderi akan berada di Chapel Blessed Sacrament setengah jam sebelum Misa-misa Senja dan Hari Minggu untuk mendengar pengakuan dosa. Silakekalkan penjarakan fizikal dan jangan berkumpul di kawasan sekeliling sambil menunggu giliran anda untuk membuat pengakuan dosa.

Sila patuhi SOP di bawah. Peniten dikehendaki untuk:

- Pakai pelitup muka pada setiap masa.
- Sedia membuat pengakuan dosa tanpa berlengah-lengah.
- Buat penitensi selepas kembali ke tempat duduk di dalam Gereja.
- Bawa pembersih tangan sendiri.

**NOVENA KEPADA BONDA PENOLONG ABADI** diadakan pada **setiap Sabtu, 5:00 pm** sebelum Misa Bahasa Inggeris pada 6:00 pm di Katedral St. Joseph. Semua dialu-alukan hadir. Bagi umat yang hanya menghadiri Novena, dikehendaki untuk duduk di loteng bertentangan dengan Koir. Para umat boleh menghantarkan permohonan atau doa kesyukuran secara dalam talian melalui borang google di <https://forms.gle/oTqtZMQsr1hC5PDr6>.

### **'ONLINE CALVARY HOUR OF MERCY'**

| Hari   | Bahasa   | Masa                 | Pautan Zoom   |
|--------|----------|----------------------|---|
| Ahad   | Inggeris |                      | <a href="https://us02web.zoom.us/j/86178307498?pwd=UVZ6MTdJSmRyeDZwUTMweC95UFBDdz09">https://us02web.zoom.us/j/86178307498?pwd=UVZ6MTdJSmRyeDZwUTMweC95UFBDdz09</a> |
| Isnin  | Inggeris | 2:55 pm -<br>4:00 pm | Meeting ID: 861 7830 7498<br>Passcode: prayhour   |
| Selasa | Mandarin |                      |   |



# 3 O'CLOCK

## THE HOUR OF GREAT MERCY

**YOU are invited to our  
Daily Devotion to  
THE DIVINE MERCY**

Time: 3pm

Venue: Day Chapel, St. Joseph's Cathedral

## DIVINE MERCY PROMISES

**“...you can obtain everything  
for yourself and for others for  
the asking;  
it was the hour of grace  
for the whole world.”**

**“... Through the CHAPLET  
you will obtain everything,  
if what you ask for is  
compatible with My will.”**

**“By means of this IMAGE I shall grant many  
graces to souls. It is to be a reminder of the  
demands of My mercy, because even the  
strongest faith is of no avail without works.”**

**“Tell me about everything, be sincere in dealing  
with Me, reveal all the wounds of your heart.  
I will heal them, and your suffering will become a  
source of your sanctification.  
A suffering soul is closest to My Heart.”**



Jesus, I trust in You



~耶稣我信赖祢~

华语  
上主慈悲敬礼



每逢周六下午三时正  
于  
圣若瑟堂区中心二楼  
圣母玛利亚祈祷室

\*欢迎教友们踊跃参加\*

**DEVOSI 'DIVINE MERCY' DALAM BAHASA MANDARIN** diadakan setiap Sabtu, 3:00 pm di 'Mother Mary Prayer Room', Tingkat 1, Pusat Paroki. Semua dialu-alukan!

## **SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN KURANG BERNASIB**

**BAIK** - Sila teruskan untuk membantu ‘Catholic Welfare Services’ secara kewangan dalam pelayanan kita kepada golongan miskin dan yang memerlukan di dalam masyarakat kita tanpa mengira bangsa atau kepercayaan. Umat boleh membuat sumbangan melalui **S Pay Global** dengan mengimbas QR kod di sini. Sahkan bahawa penerima ialah ‘Catholic Welfare Services’ sebelum pemindahan dilakukan. Umat paroki juga boleh melakukan **pemindahan dalam talian atau deposit tunai** kepada akaun berikut:



Catholic Welfare Services

**Catholic Welfare Services Council Sarawak**  
**Nombor Akaun Maybank Bhd: 511234019806**

Sila hubungi atau WhatsApp **Cik Angelina William** Hp: **010-6581641 / Tel: 082-241407** setelah anda membuat sumbangan. Resit Pengecualian Cukai akan dikeluarkan dengan sewajarnya.

**PEMBAPTISAN BAYI** diadakan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia di Katedral. Para ibu bapa yang ingin membaptiskan bayi mereka perlu membuat pendaftaran secara dalam talian di [https://formfaca.de/sm/y2oT0Qf\\_P](https://formfaca.de/sm/y2oT0Qf_P) dan muat naikkan semua salinan dokumen yang disenaraikan seperti berikut:

| Ibu bapa  | Sponsor (Wali)   |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Sijil Kelahiran atau Sijil Anak Angkat anak anda</li> <li>✓ MyKid (jika ada)</li> <li>✓ Buku Rekod Keluarga</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ MyKad (atau Pasport)</li> <li>✓ Sijil Pembaptisan</li> <li>✓ Sijil Penguatan</li> <li>✓ Buku Rekod Keluarga atau Sijil Perkahwinan (dikeluarkan oleh Gereja Katolik)</li> </ul> |

Hanya Ibu bapa yang telah menghantar dokumen tersenarai seperti di atas dengan lengkap sahaja akan diterima dan Pejabat Paroki akan memberitahu anda masa dan tempat untuk menghadiri Perayaan Sakramen Pembaptisan. Anda kemudiannya diminta untuk menyerahkan Buku Rekod Keluarga asal untuk tujuan pengemaskinian sebelum hari pembaptisan.

*Menurut Kod Undang-undang Kanun Gereja Katolik # 874, seorang Sponsor (Wali) mesti telah menerima Sakramen Pembaptisan, Penguatan dan pengamal Katolik. Jika sudah berkahwin, perkahwinannya telah diberkati di Gereja Katolik. (Ini tidak tertakluk kepada mereka yang bukan Katolik [kedua suami isteri] pada masa perkahwinan sivil).*

**KEDAI JUALAN AMAL SSVP** dibuka **setiap Ahad** dari **10:00 am hingga 1:00 pm**. Semua hasil penjualan akan diberikan kepada mereka yang miskin dan memerlukan. Sila berikan sokongan!

### **PERINGATAN KEPADA SEMUA PENYUMBANG**

**Sila sumbangkan barang dan pakaian yang dalam keadaan baik dan boleh dijual kepada Kedai Kitar Semula SSVP. Pengertian dan kerjasama anda amat dihargai.**

**RAYUAN DERMA DARAH HOSPITAL UMUM SARAWAK (HUS)** - Umat paroki digalakkan untuk menderma darah di Tabung Darah HUS, Isnin hingga Jumaat, 7:30 am hingga 4:00 pm. Untuk pertanyaan, sila hubungi Tabung Darah HUS, No. Tel.: 082-276797 atau 010-8578909 (En. Borhan).



Diving into the beauty of the Faith has never been easier: at home, on the go, or from any internet connected device.

Discover thousands of books, audio talks, movies, documentaries, and studies... there is something for every member of the family to help them grow closer to Christ and His Church.



Over 4,000 titles - now available on almost any device!

**Roku**

**apple tv**



**iOS**

Dozens of new features - all to help you enjoy the best in Catholic content

Already have a  
**FORMED Account?**

1. Visit [FORMED.org](http://FORMED.org)
2. Click Sign In
3. Enter your email
4. Click the link in your email
5. You're in! No more passwords!

Registering on **FORMED** is easier than ever!

1. Go to [FORMED.org/signup](http://FORMED.org/signup)
2. Enter your parish zip code or name to select your parish
3. Enter your name and email

Zip kod: 93000

Paroki: Archdiocesan Curia and Cathedral Pastoral Centre

Visit **FORMED.org** or search for "Formed" on your favorite app store

**FORMED: SUMBER IMAN KATOLIK DALAM TALIAN PERCUMA** - Sila rujuk ke atas untuk cara-cara mendaftar secara percuma di [FORMED.org/signup](http://FORMED.org/signup) dan muat turun Aplikasi **FORMED** ke telefon anda di mana anda boleh mendapat akses kepada ceramah audio Katolik terbaik, filem Kristian, e-buku dan program pengajian di hujung jari anda untuk membantu anda pertingkatkan iman anda, dalam hubungan kekeluargaan, mencari kedamaian yang lebih mendalam dengan Tuhan dan berkongsi kepercayaan anda dengan orang lain.